



**KETUA PENGARAH
JABATAN DIGITAL NEGARA
KEMENTERIAN DIGITAL**

Aras 6, Bangunan MKN Embassy Techzone
Blok B, No. 3200 Jalan Teknokrat 2
63000 Cyberjaya, Sepang
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

Tel : 603-8872 3010
Laman Web : www.jdn.gov.my
E-mel : fazidah@digital.gov.my

Ruj Kami: JDN.100-1/7/1(7)
Tarikh : 12 Julai 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

TATACARA PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13 ROLLING PLAN 1 (RP1) TAHUN 2026

Izinkan saya dengan segala hormatnya menjemput perhatian YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan kepada perkara tersebut di atas dan surat Jabatan Digital Negara (JDN) rujukan JDN.100-1/7/1(2) bertarikh 26 April 2024.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan sedia maklum, JDN telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT RMKe-13 selaras dengan aspirasi GovTech dan pewujudan Kementerian Digital yang diedarkan kepada semua Kementerian pada 30 April 2024.
3. Sehubungan dengan itu, bagi membantu melicinkan pelaksanaan garis panduan tersebut, JDN telah menyediakan **Tatacara Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 Rolling Plan 1 (RP1) Tahun 2026** untuk rujukan Kementerian/agensi seperti di **Lampiran A**.

JDN.100-1/7/1(7)

4. Kerjasama pihak YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dimohon untuk memanjangkan tatacara ini kepada semua agensi di bawah Kementerian masing-masing.

5. Perhatian pihak YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TS. DR. FAZIDAH BINTI ABU BAKAR)

JDN.100-1/7/1(7)

s.k:

Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi
Menara Prisma
No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
(u.p: Mohd Farid bin Mohd Arif)

YBhg. Dato' Indera Ab Rahim bin Ab Rahman
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan Kerajaan (GPD)
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 5 Blok Utara,
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya

SENARAI EDARAN

1. **YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 Putrajaya

2. **YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan
Aras 15, Wisma Tani, No. 28
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 Putrajaya

3. **YBhg. Dato' Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi
Blok C5 Aras 6, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 Putrajaya

4. **YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Tingkat 1-14, Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 Kuala Lumpur

5. **YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 Kuala Lumpur

6. **YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 Putrajaya

7. **YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Aras 10, Blok Tengah, No. 5 Persiaran Perdana
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya

8. **YBhg. Dato' Sri Amran bin Mohamed Zin**
Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
Aras 3, Wisma Putra
No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62602 Putrajaya

9. **YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 36, No. 55
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

10. **YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Aras 5 - 10, Blok F9, Parcel F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
62000 Putrajaya

11. **YBhg. Dato' Yusran Shah bin Mohd Yusof**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perladangan dan Komoditi
No. 15, Level 5-13
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 Putrajaya

12. **YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi**
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 12, Blok D1, Setia Perkasa 1
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya

13. **YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron**
Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi
Aras 8, Menara Prisma
No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya

14. **YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 17, No. 51
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

15. **YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Aras 9, Setia Perkasa 3 & 4
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

16. **YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 Putrajaya

17. **YBhg. Dato' Indera Nik Nasarudin bin Mohd Zawawi**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

18. **YBhg. Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia
Aras 9, No. 26, Jalan Tun Hussein
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

19. **YBhg. Ts. Dr. Nagulendran a/l Kangayatkarasu**
Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Aras 15, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya

20. **YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa**
Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100, Putrajaya

21. **YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman**
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Setia Perdana 8
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

22. **YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli**
Ketua Setiausaha
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
Aras 15, Menara PETRA 25
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574, Putrajaya

23. **YBhg. Dato' Roslan bin Tan Sri Abdul Rahman**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras 17, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 Putrajaya

24. **YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Blok F11, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
62000 Putrajaya

25. **YBhg. Dato' Hairil Yahri bin Yaacob**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Tingkat 28, Menara MITI
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur

26. **YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
Aras 30, No 47
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya
27. **YBrs. Tuan Fabian Bigar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Digital
Aras 14, Blok Usahawan, Menara Usahawan
No.18, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya
28. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

TATACARA PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13 *ROLLING PLAN 1 (RP1)* TAHUN 2026

1. TUJUAN

Tatacara ini merupakan perincian pelaksanaan Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT bagi RMKe-13 (Tahun 2026-2030) bertarikh 26 April 2024 yang telah diedarkan kepada Kementerian/agensi sektor awam sebagai panduan pelaksanaan permohonan projek ICT.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Penubuhan Kementerian Digital (KD) dan Jabatan Digital Negara (JDN) pada 12 Disember 2023 bertujuan untuk memperkasa inisiatif pendigitalan melalui konsep *Government Technology* atau GovTech yang merupakan perkhidmatan digital bersepadu (Whole of Government (WoG)) kerajaan yang memfokuskan kepada:

- a. Perkhidmatan awam yang mudah diakses dan berpaksikan rakyat.
- b. Transformasi kerajaan digital.
- c. Sistem kerajaan yang mudah, cekap dan telus.

2.2 Perkhidmatan digital bersepadu (WoG) merangkumi perkhidmatan keseluruhan kerajaan yang melibatkan *touchpoint* rakyat dalam suatu peristiwa kehidupan (life-event) dan

disediakan secara dalam talian dari mula hingga akhir. Pendekatan WoG adalah ke arah kesejahteraan rakyat dengan memberi penekanan kepada aspek keselamatan digital dan meningkatkan keyakinan rakyat dalam transaksi kerajaan. Perkhidmatan WoG merupakan perkhidmatan rentas pelbagai agensi yang ditawarkan kepada rakyat.

2.3 Pelaksanaan WoG menjelaskan bagaimana perkhidmatan kerajaan disediakan secara menyeluruh dan suatu penyelesaian digital saling berkaitan merentas agensi secara *seamless*. Perspektif kluster perkhidmatan kerajaan merangkumi lima (5) sektor iaitu **sektor ekonomi, sosial, keselamatan, infrastruktur** dan **pentadbiran awam** berdasarkan kepada perkhidmatan yang disediakan kepada empat kumpulan sasar iaitu rakyat, komuniti perniagaan, agensi kerajaan dan penjawat awam.

2.4 Setiap sektor memfokuskan kepada perkara berikut:

a. **Sektor Ekonomi** merujuk kepada perkhidmatan yang disediakan oleh agensi kerajaan kepada komuniti perniagaan (Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Perlindungan dan Komoditi, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Ekonomi, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya).

- b. **Sektor Sosial** merujuk kepada perkhidmatan disediakan oleh agensi kerajaan kepada rakyat (Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Sumber Manusia).

- c. **Sektor Infrastruktur** pula merujuk kepada perkhidmatan oleh agensi kerajaan yang menyediakan perkhidmatan pembangunan fizikal untuk meningkatkan taraf hidup serta kesejahteraan rakyat (Kementerian Komunikasi, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam dan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam).

- d. **Sektor Keselamatan** merujuk kepada perkhidmatan yang disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan bagi memastikan negara dalam keadaan selamat dan kedaulatan negara dilindungi (Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Komunikasi dan Kementerian Digital)

- e. **Sektor Pentadbiran Awam** merujuk kepada aktiviti sokongan yang disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan yang membolehkan kerajaan beroperasi secara cekap dan berkesan (Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT dan Jabatan Perdana Menteri).

2.5 Selaras dengan hasrat kerajaan dalam memperkasakan mekanisme dalam pengurusan, penilaian dan pemantauan projek ICT sektor awam, terdapat keperluan terhadap perubahan proses dan tatakelola perolehan ICT sedia ada. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bersama Jabatan Digital Negara (JDN) telah membuat penambahbaikan terhadap Tatakelola Perolehan ICT yang melibatkan proses kelulusan teknikal Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) kementerian dan agensi / Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) dilaksanakan sebelum permohonan bajet kepada Kementerian Ekonomi atau MOF.

2.6 Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT bagi RMKe-13 telah diedarkan kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) pada 30 April 2024.

2.7 Garis Panduan tersebut terpakai untuk proses kelulusan teknikal projek ICT di peringkat JPICT/JTISA bagi permohonan bajet pembangunan dan bajet mengurus yang menggunakan peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan serta projek yang dilaksanakan secara *Public Private Partnership* (PPP) dan projek *in-house*.

3. SKOP DAN TEMPOH PELAKSANAAN

- 3.1 Sebagai permulaan, pelaksanaan **Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT RMKe-13 RP1 Tahun 2026** akan memfokuskan kepada **permohonan Bajet Pembangunan (DE)** dan **Bajet Mengurus (OE)**.
- 3.2 Manakala bagi pelaksanaan projek secara *Public Private Partnership* (PPP) adalah menggunakan Garis Panduan Kerjasama Awam-Swasta melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).
- 3.3 Pelaksanaan projek secara *in-house* hendaklah melalui JPICT Kementerian/agensi seperti mana proses sedia ada.
- 3.4 Tempoh masa pelaksanaan permohonan bajet pembangunan dan bajet mengurus adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 Tempoh Masa Pelaksanaan Permohonan Bajet Pembangunan dan Bajet Mengurus

JENIS BAJET	PERINGKAT KELULUSAN	TEMPOH MASA
Bajet Pembangunan	JPICT Kementerian	Mei 2024 - Feb 2025 (sebelum tarikh mula permohonan bajet pembangunan oleh Kementerian Ekonomi)
	JTISA	Mei 2024 – September 2024
Bajet Mengurus	JPICT Kementerian	Mei 2024 - April 2025 (sebelum tarikh mula permohonan bajet mengurus oleh MOF)
	JTISA	Mei 2024 – September 2024

4. PERANAN DAN TINDAKAN KEMENTERIAN/AGENSI


4.1 Peranan dan tindakan Kementerian/agensi dalam pelaksanaan tatakelola pengurusan dan perolehan projek ICT baharu adalah seperti berikut:

- a. **Menyediakan permohonan** projek ICT RMKe-13 RP1 yang lengkap melalui **Sistem PROFIT** dengan menggunakan templat permohonan JTISA.
- b. Memastikan **perancangan projek ICT selaras** dengan **Pelan Pendigitalan Kementerian/agensi** yang sedang berkuatkuasa.
- c. Memastikan **tiada pertindihan antara sistem aplikasi** yang ingin dibangunkan dengan sistem aplikasi sedia ada di agensi sektor awam melalui semakan dalam Sistem Repositori Aplikasi Sektor Awam (RASA). Kementerian/agensi boleh menghubungi bsa_ea@digital.gov.my berkaitan perkara ini.
- d. Mengguna pakai produk dan perkhidmatan gunasama seperti berikut:
 - i. MyGDX sebagai **platform perkongsian data** yang terjamin.

- ii. **MyGovernment Portal** sebagai satu **gerbang** tunggal bagi memudahkan capaian perkhidmatan kerajaan oleh rakyat.
- iii. **MyGovCloud@PDSA** dan **MyGovCloud@CFA** merupakan **perkhidmatan *Cloud Hosting*** yang menyediakan perkhidmatan termasuk rangkaian, server, storan dan sistem operasi secara maya (virtual).
- iv. **Infrastruktur guna sama ICT** (MyGov*Net, MyGovUC, MyGPKI) merupakan perkhidmatan teras pengupaya penyampaian dan komunikasi maklumat kerajaan yang selamat.
- v. Lain-lain yang bersesuaian.

5. CARTA ALIR PELAKSANAAN

5.1 Carta alir pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 RP1 Tahun 2026 bagi Bajet Pembangunan (DE) dan Bajet Mengurus (OE) adalah seperti di Rajah 1.



PENERANGAN:

1. Kementerian/Agensi membuat perancangan projek ICT dengan merujuk kepada Pelan Pendigitalan Kementerian/agensi dan mengambilkira pelaksanaan perkhidmatan digital bersepadu (WoG).
2. Kementerian/Agensi membuat rujukan kepada Panduan Reka Bentuk Perkhidmatan dan Katalog Anggaran Harga serta melaksanakan kajian pasaran.
3. Kementerian/Agensi menyediakan permohonan projek ICT RMKe-13 RP1 Tahun 2026 yang lengkap melalui Sistem PROFIT dengan menggunakan templat permohonan JTISA.
4. Urus setia JPICT Kementerian/agensi menyemak permohonan untuk memastikan templat adalah lengkap. Penilaian teknikal di peringkat JPICT Kementerian/agensi dilaksanakan. Hasil Penilaian dihantar ke JDN dan dimaklumkan kepada Kementerian/ agensi.
5. Sekiranya mencapai had nilai JTISA, permohonan akan melalui penilaian teknikal JTISA. Hasil penilaian akan dimaklumkan kepada Kementerian/ agensi.
6. JDN membuat konsolidasi senarai projek ICT berdasarkan kelulusan teknikal diperingkat JPICT Kementerian dan JTISA. Maklumat konsolidasi akan dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi/MOF.
7. Kementerian/Agensi akan membuat permohonan bajet bagi projek ICT yang telah mendapat kelulusan teknikal melalui MyProjek (Bajet Pembangunan) kepada Kementerian Ekonomi dan MyResults (Bajet Mengurus) kepada MOF mengikut tarikh yang ditetapkan.
8. Kementerian Ekonomi/MOF akan menjalankan sesi pemeriksaan bajet.
9. Projek ICT yang tidak mendapat kelulusan bajet sepenuhnya atau lulus sebahagian, perlu diangkat semula ke JPICT Kementerian dan dimaklumkan kepada JDN.

Rajah 1 Carta Alir Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 RP1 Tahun 2026

6. TATACARA PELAKSANAAN TATAKELOLA PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PROJEK ICT BAGI RMKe-13 RP1 TAHUN 2026

6.1 Tatacara pelaksanaan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT bagi RMKe-13 RP1 Tahun 2026 untuk Bajet Pembangunan adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Tatacara Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 Tahun 2026 Bagi Bajet Pembangunan

PROSES	AKTIVITI	PERANAN	TEMPOH	KETERANGAN
Bajet Pembangunan (DE) Bagi Pelaksanaan Projek Pada Tahun 2026				
1. Perancangan projek ICT	Melaksanakan perancangan untuk membangunkan perkhidmatan ICT	Kementerian/ Agensi	Januari hingga Disember	Memastikan tiada pertindihan aplikasi bagi projek ICT yang dipohon dengan merujuk kepada Sistem Repositori Aplikasi Sektor Awam (RASA). Sebarang pertanyaan boleh menghubungi bsa_ea@digital.gov.my
2. Penyediaan permohonan projek ICT RMKe-13 RP1	Penyediaan spesifikasi teknikal dan anggaran kos bagi projek ICT baharu	Kementerian/ Agensi	Mei 2024 hingga Disember 2024	<p>Penyediaan permohonan menggunakan templat JTISA dan membuat rujukan berikut:</p> <p>(a) Panduan Reka Bentuk Perkhidmatan Digital (Service Design) di pautan https://standard.digital.gov.my. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi standard@digital.gov.my</p> <p>(b) Katalog anggaran harga di pautan https://profit.mampu.gov.my atau kajian pasaran yang dilaksanakan oleh Kementerian/agensi bagi anggaran kos. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi kosictsa@digital.gov.my</p> <p>(c) FAQ Tatakelola RMKe-13 di pautan</p>

PROSES	AKTIVITI	PERANAN	TEMPOH	KETERANGAN
				<p>https://www.jdn.gov.my/jawatankuasa-teknikal-ict-sektor-awam-jtisa/ Sebarang pertanyaan boleh menghubungi urussetiajtisa@digital.gov.my</p> <p>(d) Pengiraan unjuran oleh Kementerian/agensi boleh dibuat berdasarkan purata atau trend kadar tukaran mata wang asing yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)</p> <p>Penafian: Rujukan (a) hingga (c) merupakan panduan asas kepada Kementerian/agensi semasa penyediaan permohonan projek ICT dan membuat anggaran harga. Dokumen ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa</p>
3. Permohonan kelulusan teknikal	(a) Penilaian oleh JPICT Kementerian	Kementerian/ Agensi	Mei 2024 hingga Feb 2025 atau sebelum tarikh mula permohonan Bajet Pembangunan yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi	<p>(a) Permohonan adalah melalui Sistem Profil Projek ICT Sektor Awam (PROFIT) di pautan https://profit.mampu.gov.my</p> <p>(b) Permohonan di bawah had nilai JTISA akan menggunakan kelulusan teknikal dan syor bajet JPICT kementerian bagi tujuan permohonan bajet kepada Kementerian Ekonomi</p>

PROSES	AKTIVITI	PERANAN	TEMPOH	KETERANGAN
				<p>Rujukan: Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 (SPA 3 Tahun 2015) Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal Dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam</p>
	(b) Permohonan kepada JDN	Kementerian/ Agensi	Mei 2024 hingga September 2024 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh JDN	<p>Permohonan melalui PROFIT berdasarkan kelulusan JPICIT Kementerian bagi permohonan projek mencapai had nilai JTISA</p> <p>Rujukan: SPA 3 Tahun 2015</p>
	(c) Penilaian oleh JDN	JDN/JTISA	Jun 2024 hingga Januari 2025	<p>Penilaian peringkat JTISA bagi permohonan yang mencapai had nilai JTISA</p> <p>Rujukan: SPA 3 Tahun 2015</p>
	(d) Konsolidasi semua permohonan oleh JDN	JTISA	Februari 2025 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi	<p>Urus setia JTISA mengemukakan senarai projek yang diperakui kepada Kementerian Ekonomi seperti berikut:</p> <p>(a) Projek yang diperakui kelulusan teknikal dan syor bajet oleh JTISA (mencapai had nilai JTISA)</p>
	<p>Nota: Konsolidasi akan dilaksanakan selepas memperolehi kelulusan teknikal dan syor bajet</p>			

PROSES	AKTIVITI	PERANAN	TEMPOH	KETERANGAN
				(b) Projek yang diperakui kelulusan teknikal dan syor bajet oleh JPICT Kementerian (bawah had nilai JTISA) Rujukan: SPA 3 Tahun 2015
4. Permohonan kelulusan bajet pembangunan	Permohonan kelulusan bajet kepada Kementerian Ekonomi	Kementerian/ Agensi	Mac 2025	(a) Permohonan melalui Sistem MyProjek oleh Kementerian/agensi (b) Pemeriksaan bajet Kementerian Ekonomi dan Kementerian/ agensi dilaksana pada bulan Mei 2025 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi (c) Kelulusan Bajet pada Januari 2026 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi
5. Perolehan dan pelaksanaan projek	Perolehan dan pelaksanaan projek RMKe-13 RP1	Kementerian/ Agensi	Jan/Feb 2026	Projek dilaksana oleh Kementerian/ agensi

6.2 Contoh Senario bagi bajet pembangunan adalah seperti berikut:

a. **Projek ICT Yang Dilaksanakan Bersekali Dengan Projek Pembangunan Fizikal**

Kementerian/Agensi bercadang untuk memohon kelulusan teknikal projek ICT yang dilaksanakan bersekali dengan projek pembangunan fizikal dalam RMKe-13 bagi tahun 2026 hingga 2028. Bagaimanakah kaedah pelaksanaan projek bagi tatakelola baharu ini?

Penyelesaian

Proses permohonan kelulusan teknikal bagi projek ICT yang dilaksana bersekali dengan projek fizikal dibuat selepas kelulusan bajet bagi projek fizikal dari Kementerian Ekonomi/Kementerian Kewangan (MOF) seperti proses sedia ada.

b. **Peningkatan kos projek ICT selepas kelulusan JPICT (bawah had nilai JTISA)**

Kementerian/Agensi telah mendapat kelulusan bajet pembangunan dari Kementerian Ekonomi bagi RMKe-13 RP1 (2026) untuk Projek Menaik Taraf Peralatan Pusat Data sebanyak RM2,000,000.00. Bagaimanapun

disebabkan perubahan teknologi dan spesifikasi terkini, terdapat peningkatan kos menjadikan jumlah adalah RM2,500,000.00. Adakah Kementerian/agensi perlu memohon semula kelulusan teknikal bagi kes ini?

Penyelesaian:

Permohonan Projek Menaik Taraf Peralatan Pusat Data perlu diangkat semula untuk makluman JPICT Kementerian secara rasmi. Bagi keperluan pertambahan peruntukan, pihak Kementerian/agensi boleh merujuk kepada Kementerian Ekonomi/MOF.

c. **Peningkatan kos projek ICT selepas kelulusan JTISA (mencapai had nilai JTISA)**

Kementerian/Agensi telah mendapat kelulusan bajet pembangunan dari Kementerian Ekonomi bagi RMKe-13 RP1 (2026) untuk Projek Pembangunan Sistem Pengurusan Bot Nelayan sebanyak RM3,000,000.00 dan **projek telah dimulakan**. Bagaimanapun disebabkan perubahan teknologi dan spesifikasi terkini, telah berlaku peningkatan kos menjadikan jumlah adalah RM3,500,000.00. Adakah Kementerian/agensi perlu memohon semula kelulusan teknikal JTISA bagi kes ini?

Penyelesaian:

- i. Bagi projek yang telah mendapat kelulusan teknikal JTISA tetapi **belum dilaksanakan**:
 - (a) Jika berlaku perubahan skop, agensi hendaklah memohon semula kelulusan teknikal JTISA secara rasmi.
 - (b) Jika berlaku perubahan kos, spesifikasi, kuantiti, tempoh projek dan kaedah perolehan tanpa melibatkan perubahan skop, hendaklah memaklumkan secara rasmi kepada urus setia JTISA.
- ii. Bagi projek yang telah mendapat kelulusan teknikal JTISA dan **telah dilaksanakan**, sebarang perubahan adalah di bawah kawalan Jawatankuasa Teknikal Projek (JKT) dan Jawatankuasa Pemandu Projek (JKP).
- iii. Bagi projek Pembangunan Sistem Pengurusan Bot Nelayan, ianya telah dilaksanakan dan tidak perlu diangkat semula ke JTISA. Bagi keperluan pertambahan peruntukan, pihak Kementerian/agensi boleh merujuk kepada Kementerian Ekonomi/MOF.

d. **Penggunaan Peruntukan Akaun Amanah**

Sekiranya Kementerian/agensi menggunakan peruntukan Akaun Amanah bagi permohonan projek ICT RMKe-13, adakah perlu mematuhi tatakelola baharu ini?

Penyelesaian:

i. Sekiranya Akaun Amanah di Kementerian/agensi **menggunakan peruntukan persekutuan**, maka permohonan projek ICT tertakluk kepada tatakelola baharu ini; dan

ii. Sekiranya Akaun Amanah di Kementerian/agensi **tidak menggunakan peruntukan persekutuan**, maka permohonan projek ICT tidak tertakluk kepada tatakelola baharu ini.

e. **Jumlah Peruntukan Dilulus Kementerian Ekonomi Berbeza Dengan Dipohon**

Kementerian/Agensi telah memohon kelulusan bajet pembangunan RMKe-13 RP1 (2026) dari Kementerian Ekonomi sebanyak RM10,000,000.00. Bagaimanapun, jumlah yang diluluskan oleh Kementerian Ekonomi adalah RM7,000,000.00. Apakah Tindakan yang Kementerian/ agensi perlu lakukan?

Penyelesaian:

- i. Sekiranya pengurangan bajet ini akan menyebabkan berlaku perubahan skop, Kementerian/agensi perlu memohon semula kelulusan teknikal JPICT Kementerian dan memaklumkan kepada JTISA secara rasmi.
 - ii. Sekiranya pengurangan bajet ini tidak menyebabkan perubahan skop, Kementerian/agensi perlu memaklumkan kepada JPICT Kementerian dan JTISA.
- 6.3 Tatacara pelaksanaan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT bagi RMKe-13 RP1 Tahun 2026 untuk Bajet Mengurus adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3 **Tatacara Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 Tahun 2026 Bagi Bajet Mengurus**

PROSES	AKTIVITI	PERANAN	TEMPOH	KETERANGAN
Bajet Mengurus (OE) Bagi Pelaksanaan Projek Pada Tahun 2026				
1. Perancangan projek ICT	Melaksanakan perancangan untuk membangunkan perkhidmatan ICT	Kementerian/ Agensi	Januari hingga Disember	Memastikan tiada pertindihan aplikasi bagi projek ICT yang dipohon dengan merujuk kepada Sistem Repositori Aplikasi Sektor Awam (RASA). Sebarang pertanyaan boleh menghubungi bsa_ea@digital.gov.my
2. Penyediaan permohonan projek ICT RMKe-13 RP1	<p>(a) Penyediaan spesifikasi teknikal dan anggaran kos bagi projek ICT – Dasar Baru/ One-Off dan Dasar Sedia Ada yang belum mempunyai kelulusan teknikal</p> <p>(b) Sekiranya permohonan projek ICT menggunakan Bajet Mengurus bagi Dasar Sedia Ada dan belum mendapat kelulusan teknikal ICT perlu diangkat untuk kelulusan</p>	Kementerian/ Agensi	Mei 2024 hingga Disember 2024	<p>Penyediaan permohonan menggunakan templat JTISA dan membuat rujukan berikut:</p> <p>(a) Panduan Reka Bentuk Perkhidmatan Digital (Service Design) di pautan http://standard.digital.gov.my. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi standard@digital.gov.my</p> <p>(b) Katalog anggaran harga di pautan https://profit.mampu.gov.my atau kajian pasaran yang dilaksanakan oleh Kementerian/agensi bagi anggaran kos. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi kosictsa@digital.gov.my</p> <p>(c) FAQ Tatakelola RMKe-13 di pautan https://www.jdn.gov.my/jawatankuasa-teknikal-ict-sektor-awam-jtisa/. Sebarang pertanyaan boleh</p>

PROSES	AKTIVITI	PERANAN	TEMPOH	KETERANGAN
	teknikal terlebih dahulu			<p>menghubungi urussetiajtisa@digital.gov.my</p> <p>(d) Pengiraan unjuran oleh Kementerian/agensi boleh dibuat berdasarkan purata atau trend kadar tukaran mata wang asing yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)</p> <p>Penafian: Rujukan (a) hingga (c) merupakan panduan asas kepada Kementerian/agensi semasa menyediakan permohonan projek ICT dan membuat anggaran harga. Dokumen ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa</p>
3. Permohonan kelulusan teknikal	(a) Penilaian oleh JPICT Kementerian	Kementerian/ Agensi	Mei 2024 hingga April 2025 atau sebelum tarikh mula permohonan Bajet Mengurus yang ditetapkan oleh MOF	<p>(a) Permohonan adalah melalui PROFIT di pautan https://profit.mampu.gov.my</p> <p>(b) Permohonan di bawah had nilai JTISA akan menggunakan kelulusan teknikal dan syor bajet JPICT kementerian bagi tujuan permohonan bajet kepada MOF</p> <p>Rujukan: Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 (SPA 3 Tahun 2015) Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal Dan</p>

PROSES	AKTIVITI	PERANAN	TEMPOH	KETERANGAN
				Pemantauan Projek Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam
	(b) Permohonan kepada JDN	Kementerian/ Agensi	Mei 2024 hingga September 2024 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh JDN	Permohonan melalui PROFIT berdasarkan kelulusan JPIC T Kementerian bagi permohonan projek mencapai had nilai JTISA Rujukan: SPA 3 Tahun 2015
	(c) Penilaian oleh JDN	JDN/JTISA	Jun 2024 hingga Januari 2025	Penilaian peringkat JTISA bagi permohonan mencapai had nilai JTISA Rujukan: SPA 3 Tahun 2015
	(d) Konsolidasi semua permohonan oleh JDN Nota: Konsolidasi akan dilaksanakan selepas memperolehi kelulusan teknikal dan syor bajet	JTISA	Mei 2025 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh MOF	Urus setia JTISA menghantar senarai projek yang diperakui kepada MOF seperti berikut: (a) Projek yang diperakui kelulusan teknikal dan syor bajet oleh JTISA (mencapai had nilai JTISA) (b) Projek yang diperakui kelulusan teknikal dan syor bajet oleh JPIC T Kementerian (bawah had nilai JTISA) Rujukan: SPA 3 Tahun 2015

PROSES	AKTIVITI	PERANAN	TEMPOH	KETERANGAN
4. Permohonan kelulusan bajet mengurus	Permohonan kelulusan bajet kepada MOF	Kementerian/ Agensi	Mei 2025	(a) Permohonan melalui Sistem MyResults oleh Kementerian/agensi (b) Semakan bajet MOF dan Kementerian/ agensi dilaksana pada bulan Mei 2025 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh MOF (c) Kelulusan Bajet pada Januari 2026 atau tertakluk kepada tarikh yang ditetapkan oleh MOF
5. Perolehan dan pelaksanaan projek	Perolehan dan pelaksanaan projek RMKe-13 RP1	Kementerian/ Agensi	Jan/Feb 2026	Projek dilaksana oleh Kementerian/ agensi

6.4 Contoh Senario bagi bajet mengurus adalah seperti berikut:

a. **Pelaksanaan projek ICT bermula pada RMKe-12**

Kementerian/agensi melaksanakan sewaan perkakasan ICT bernilai RM3.4 Juta dengan menggunakan sumber peruntukan bajet mengurus (OE). Tempoh projek bermula pada Julai 2025 hingga Jun 2027 (24 bulan).

Unjuran penggunaan Peruntukan adalah seperti di bawah:

- i. Jul 2025 - Dis 2025 (RM1,600,000.00)
- ii. Jan 2026 - Dis 2026 (RM1,200,000.00)
- iii. Jan 2027 - Jun 2027 (RM600,000.00)

Daripada situasi di atas, didapati bahawa pada tahun 2026 terdapat peruntukan bajet yang diperlukan sebanyak RM1.2 juta melalui sumber OE. Adakah bagi maksud permohonan RM1.2 juta ini, kelulusan teknikal perlu diangkat pada tahun 2024?

Penyelesaian:

Projek ini merupakan projek RMKe-12, tatakelola baharu adalah bagi pelaksanaan projek bermula RMKe-13. Dalam situasi ini, tatakelola kelulusan teknikal dan permohonan bajet adalah sebagaimana lazim. Projek

ini tidak perlu diangkat semula untuk kelulusan teknikal bagi permohonan bajet RM1.2 juta tersebut.

b. **Pelaksanaan projek ICT bermula pada RMKe-13**

JTISA telah meluluskan permohonan perolehan perhidmatan sewaan peralatan ICT bagi tahun 2022 hingga 2025 (4 tahun). Kementerian/Agensi bercadang untuk melaksanakan perolehan baharu perhidmatan sewaan peralatan ICT bagi tempoh sewaan tahun 2026 hingga 2029 (4 tahun). Adakah Kementerian/agensi perlu mendapatkan kelulusan teknikal pada tahun 2024?

Penyelesaian:

Projek ini merupakan projek RMKe-13 dan tertakluk kepada Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT bagi RMKe-13 RP1.

7. PENUTUP

- 7.1 Tatacara ini disediakan sebagai perincian pelaksanaan Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 yang perlu dibaca bersekali.
- 7.2 Sekiranya Kementerian/agensi menghadapi sebarang masalah berkaitan Tatacara Pelaksanaan Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT RMKe-13 RP1 Tahun 2026, pertanyaan melalui e-mel boleh dikemukakan kepada urussetiajtisa@digital.gov.my.

**Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur Digital
Jabatan Digital Negara, Kementerian Digital**

12 Julai 2024